



TEKS UCAPAN

YBRS. TS. DR. SITI A'IASAH BINTI HASHIM

KETUA PENGARAH

AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN BIL. 2/2021

TARIKH:

23 FEBRUARI 2021 (SELASA)

SECARA MAYA MELALUI APLIKASI ZOOM

Bismillahirrahmanirahim

Terima kasih saudara pengerusi majlis, En. Mohd Ikmal bin Ismail daripada Unit Perolehan dan Aset, BKP.

YANG BERUSAHA DR. ABDUL MUIN BIN ABDUL RAHMAN

Timbalan Ketua Pengarah Program Penyelidikan dan Pembangunan

YANG BERUSAHA DR. ABDUL RAHIM BIN HARUN

Timbalan Ketua Pengarah Program Perkhidmatan Teknikal

YANG BERUSAHA DR. CHANTARA THEVY RATNAM

Pengarah Kanan Program Pengurusan

YANG BERUSAHA EN. MOHD SIDEK BIN OTHMAN

Pengarah Kanan Program Pengkomersilan

Pengarah-pengarah Bahagian, pengurus-pengurus,
Para penyelidik dan warga Nuklear Malaysia yang saya kasihi sekalian,
Assalammualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, kerana atas izin dan limpah kurnianya pada pagi yang penuh keberkatan ini, dapat kita sekali lagi berkumpul bersama-sama secara maya. Saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua warga Nuklear Malaysia, yang hadir untuk perhimpunan pagi Bil 2/2021 yang dianjurkan kali ini oleh Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP).

Tuan-tuan dan puan-puan warga Nuklear Malaysia yang saya kasihi sekalian.

SAMBUTAN PERAYAAN TAHUN BAHARU CINA

2. Dikesempatan ini rasanya masih belum terlewat untuk saya ucapkan Selamat Tahun Baharu Cina kepada semua warga Nuklear Malaysia yang meraikannya. Saya percaya perayaan Tahun Baharu Cina telah disambut dengan penuh kemeriahan dan kegembiraan walaupun dalam norma baharu. Memandangkan Kerajaan telah melanjutkan tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan sehingga 4 Mac 2021 dan sekatan rentas daerah masih lagi berkuatkuasa, saya yakin ramai yang tidak dapat pulang ke kampung halaman atau berjumpa keluarga masing-masing bagi meraikan perayaan ini. Namun, haruslah diingat bahawa sekatan yang dilaksanakan ini bukan untuk menyekat kebebasan kita, tetapi demi untuk kebaikan bersama bagi melindungi nyawa, terutamanya ahli keluarga kita yang kita sayangi.

'Xin Nian Kuai Le, Gong Xi Fa Cai'.

Tuan-tuan dan puan-puan,

PERUNTUKAN KEWANGAN TAHUN 2021

3. Nuklear Malaysia telah diberi peruntukan Mengurus tahun 2021 dengan jumlah yang selesa serta peruntukan pembangunan yang besar.

- (i) Bagi peruntukan Mengurus, kita telah menerima sebanyak RM 87 juta iaitu sedikit kenaikan berbanding tahun lepas; dan
 - (ii) Peruntukan Pembangunan di bawah RMKe-12 sebanyak RM 15 juta yang merangkumi 4 projek baru dan 3 projek sambungan. Tahniah kepada semua projek team yang telah berjaya meyakinkan MOSTI dan juga EPU sehingga projek-projek ini diluluskan.
- 4. Dengan jumlah RM102 Juta yang diberikan ini, cabaran utama kita adalah bagaimana untuk membelanjakan peruntukan ini mengikut perancangan yang telah ditetapkan dalam suasana PKP dan pada masa yang sama mencapai objektif projek.
- 5. Oleh itu, semua program dan Bahagian diharap dapat melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dirancang dengan sehabis baik yang merangkumi semua Program di Nuklear Malaysia. Mesti ada tindakan susulan atau *follow thru* bagi setiap perkara yang telah dirancang dan juga tindakan *recovery* atau *remedy* bagi sebarang kelemahan yang mungkin timbul.
- 6. Untuk mencapai matlamat ini, semua kakitangan perlu bekerja dengan bersungguh-sungguh, menunjukkan komitmen yang tinggi dan saling bekerjasama antara satu sama lain dengan penuh tanggungjawab, professional dan harmoni.

7. Dengan cara ini saya yakin kita akan dapat mencapai semua KPI yang telah ditetapkan oleh MOSTI dan yang lebih penting, sumbangan kita dapat dirasai oleh masyarakat, industri dan negara keseluruhannya. Kita juga mengharapkan agar nama Nuklear Malaysia akan sentiasa disebut sebagai sebuah institusi Penyelidikan yang unggul, berteknologi tinggi dan dapat memberi impak yang besar kepada Negara.

PELAKSANAAN PERANCANGAN PEROLEHAN TAHUNAN BAGI TAHUN 2021

8. Berkaitan itu juga, Kementerian Kewangan telah meminta semua Jabatan untuk mempercepatkan semua perancangan perolehan pada tahun ini bagi menyokong proses pemulihan ekonomi negara.
9. Kita telah menetapkan supaya dokumen perolehan bagi tujuan pengiklanan dikemukakan ke Bahagian Khidmat Pengurusan sebelum 30 April 2021. Ini bagi memastikan semua pembayaran dapat diselesaikan selewat-lewatnya sebelum 15 November 2021.

Tuan-tuan dan puan-puan,

PERINGATAN PENULARAN WABAK COVID-19

10. Sebagaimana yang kita maklum, Alhamdulillah, kes-kes positif COVID-19 di Malaysia telah menunjukkan trend melandai. Walau bagaimanapun, sila pastikan kita sentiasa mengamalkan kawalan

kendiri dengan sentiasa memakai pelitup muka dan serta sentiasa patuh pada SOP yang telah ditetapkan.

11. YAB Perdana Menteri pada 16 Februari 2021 telah melancarkan Buku Panduan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan. Ini merupakan satu lagi langkah ke hadapan dalam usaha Kerajaan untuk menjayakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, iaitu program vaksinasi terbesar yang akan dilaksanakan di negara ini. Batch pertama vaksin Pfizer-BioNTech telah tiba di Malaysia pada 21 Februari 2021 lalu. Selanjutnya, *roll-out* pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan akan bermula pada 26 Februari 2021. Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan mengandungi 3 fasa yang akan bermula pada 26 Februari 2021 (Fasa Pertama) serta diikuti Fasa Kedua pada bulan April 2021 dan Fasa Ketiga pada bulan Mei 2021 dan dijangka berakhir pada Februari 2022. Program imunisasi menyeluruh ini adalah untuk memastikan imuniti kelompok dapat dibentuk di dalam komuniti agar dapat memutuskan rantaian penularan jangkitan COVID-19 dan akhirnya dapat menamatkan pandemik COVID-19.
12. Marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Illahi agar Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan dapat memberikan sinar harapan kepada Malaysia untuk menang dalam perang melawan COVID-19. Pastinya, satu lembaran baru bakal terbuka dengan bermulanya Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan pada penghujung bulan ini. InsyaAllah.

Tuan-tuan dan puan-puan warga Nuklear Malaysia sekalian

INTEGRITI DAN DISIPLIN DALAM PERKHIDMATAN

i. BEKERJA DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

13. Berikutan pengumuman YB Menteri Pertahanan mengenai pelanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di negeri Selangor sehingga 4 Mac 2021, segala urusan kerja secara fizikal, perlu dielakkan. Bagi pegawai yang diberi kebenaran bekerja di rumah (BDR), tuan-tuan dan puan-puan hendaklah berada di rumah dan patuhi PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 2020 (DASAR BEKERJA DARI RUMAH). Pihak pengurusan memberi kepercayaan penuh kepada semua warga Nuklear Malaysia untuk mematuhi peraturan BDR ini.

ii. RAHSIA RASMI

14. Saya juga ingin mengingatkan tuan-tuan dan puan-puan, sebagai seorang penjawat awam, tuan-tuan dan puan-puan terikat dengan Akta Rahsia Rasmi 1972, dimana segala maklumat rasmi adalah milik Kerajaan tidak boleh dibocor dan disebar. Sentiasa berhati-hati apabila menggunakan media sosial supaya tiada maklumat-maklumat rahsia yang dibocorkan.

15. Semua kakitangan bertanggungjawab untuk sama-sama menjaga imej jabatan. Ini termasuklah cara kita berpakaian, cara kita berkomunikasi dan juga cara kita berurusan samada antara kumpulan, Bahagian dan orang luar. Sayangi Nuklear Malaysia.

Tuan-tuan dan puan-puan warga Nuklear Malaysia sekalian.

BANTUAN KEPADA MANGSA BANJIR

16. Ribuan terima kasih diucapkan atas keprihatinan warga Nuklear Malaysia yang telah menyalurkan sumbangan ke dalam Tabung Misi Bantuan Banjir yang dilancarkan pada penghujung bulan Januari 2021. Kutipan sebanyak RM 9,150.00 telah berjaya dikumpulkan. Hasil kutipan ini telah diagihkan di kalangan penduduk Kampung Paloh Hinai, Pekan, Pahang pada 3 Februari 2021 dalam bentuk 48 buah peralatan dapur gas. Manakala, RM 3,840.00 telah disalurkan kepada Pusat Kawalan Operasi Banjir Negeri Pahang.
17. Daripada Aisyah RA dia berkata, Rasulullah SAW bersabda *“Amalan yang paling dicintai oleh Allah Ta’ala adalah amalan yang berterusan walaupun jumlahnya sedikit” (HR Bukhari)*. Mari sama-sama kita mendoakan semoga para penderma ini diluaskan pintu rezeki dan memperoleh pahala berpanjangan daripada wakaf ini. InsyaAllah.

Warga Nuklear Malaysia yang dihormati sekalian.

PERSARAAN DR. ABDUL MUIN BIN ABDUL RAHMAN

18. Tahun ini, Nuklear Malaysia akan kehilangan seorang lagi pegawai yang cukup berpengalaman, YBrs. Dr. Abdul Muin Bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Pengarah Program Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi. Beliau akan menamatkan perkhidmatan beliau pada 24 Februari 2021 setelah berkhidmat hampir 37 tahun di Agensi Nuklear Malaysia. Beliau telah memulakan perkhidmatan sebagai Pegawai Penyelidik pada 13 September 1984 di Agensi ini yang dahulunya dikenali sebagai Unit Teknologi Nuklear dibawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

19. Sepanjang hampir 37 tahun berkhidmat, banyak sumbangan dan pencapaian yang telah beliau berikan ke Agensi ini. Antara sumbangan beliau adalah membangunkan sistem rangkaian komputer Nuklear Malaysia sehingga berjaya mencapai tahap dimana hampir kesemua komputer telah disambungkan ke dalam satu sistem rangkaian dengan penggunaan kabel '*fiber optic*' serta membangunkan sistem portal dalaman '*localweb*' sebagai sistem pengumuman yang lebih interaktif, dinamik dan berintegrasi dengan sistem-sistem '*online*' yang digunapakai di Agensi.

20. Antara tahun 2011-2014, beliau berkhidmat sebagai Pegawai Atase Sains di Kedutaan Besar Malaysia di Vienna, sebagai wakil atau sebahagian daripada perwakilan Malaysia didalam persidangan-persidangan dan mesyuarat antarabangsa yang melibatkan hubungan dengan IAEA, CTBTO dan hubungan pelbagai hala dengan Negara-negara lain dan mempertahankan kepentingan Malaysia didalam beberapa proses perundingan dengan agensi-agensi antarabangsa di Vienna.

21. YBrs. Dr. Abdul Muin Bin Abdul Rahman telah memegang amanah sebagai Timbalan Ketua Pengarah Program Penyelidikan dan Pembangunan pada 23 Disember 2019 bagi mengurus dan mengawal selia Program Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi yang meliputi 4 bahagian utama yang menjalankan projek-projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan dengan penggunaan teknologi nuklear dan teknologi berkaitan didalam bidang pertanian, perubatan, pembuatan, industri dan alam sekitar. Dalam tempoh ini, sebanyak 236 projek penyelidikan dan telah berjaya menghasilkan 24 produk baru, 9 proses, 20 prosedur, 5 pengkalan data dan 3 perisian (*software*) disamping 18 dapatan (*output*) daripada projek-projek tersebut yang telah mencapai tahap yang boleh dikomersilkan dan dapat memberikan faedah terus kepada rakyat. Beberapa hasil R&D ini juga telah berjaya memenangi 12 anugerah inovasi dipelbagai pertandingan inovasi diperingkat nasional dan antarabangsa.

22. Banyak lagi sumbangan yang beliau telah curahkan dalam meningkatkan kecemerlangan Agensi Nuklear Malaysia. Masa tidak mengizinkan untuk saya menyatakan setiap satu kejayaan dan pencapaian yang telah beliau perolehi sepanjang perkhidmatan ini. Bagi saya Dr. Abdul Muin bukan saja pemimpin dan pemikir dalam Perkhidmatan Awam, tetapi adalah guru serta sumber inspirasi khususnya kepada penyelidik-penyelidik muda di Agensi ini. Saya percaya kehilangan permata yang bersinar ini akan dirasai oleh seluruh warga Nuklear Malaysia.
23. Pesanan saya kepada YBrs. Dr. Abdul Muin, persaraan merupakan satu tahap baru dalam kehidupan seseorang manusia. I guess this is the time for you to go back and enjoy your passion in electronics, to build and play with new gadgets and devices. Saya yakin YBrs. Dr. sudah cukup bersedia dan tidak akan menghadapi masalah besar dalam mengatur strategi dunia persaraan. Ini kerana Dr. telah berjaya membuktikan kegigihan, kewibawaan dan kepimpinan dalam menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan sepanjang berkhidmat di Agensi ini.

PENUTUP

24. Kepada pegawai-pegawai lain yang telah atau akan bersara atau berpindah ke tempat lain, terima kasih diucapkan atas segala jasa dan komitmen yang telah tuan-tuan dan puan-puan berikan sepanjang perkhidmatan di Agensi ini. Semoga tuan-puan terus

sihat dan dilindungi dari sebarang musibah dan maju jaya di tempat dan suasana kehidupan baharu tuan-puan.

25. Kepada semua pegawai-pegawai baharu atau yang bertukar ke Agensi Nuklear Malaysia, selamat datang dan kami berharap tuan-tuan dan puan-puan dapat bekerja bersungguh-sungguh dan memberi sumbangan terbaik, demi kecemerlangan Agensi.
26. Terima kasih diucapkan kepada penganjur majlis pada hari ini iaitu Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) dengan kerjasama Unit Komunikasi Korporat (UKK) dan warga kerja NM yang terlibat, di atas komitmen yang telah diberikan.

..Lindungi diri .. Lindungi semua..

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah. Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.